



Nilai rumah PPR Tehel dijangka melonjak

- 500 unit rumah ditawarkan pada harga RM35,000 seunit

muka 2



Kualiti, penyampaian Bomba tahap terbaik *muka 6*

DIARI PARLIMEN

Jawapan Tan Sri Noh Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 5



**Peranan STORM
berkembang,
urus pelbagai
operasi bencana**

muka 4



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Persekitaran yang ceria di PPR Tehel memberi keselesaan kepada penghuni-penghuni yang berkeluarga.



Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak melihat kawasan di sekitar PPR Tehel sambil diiringi Tan Sri Noh Omar (tiga dari kiri), Datuk Halimah Mohamed Sadique (paling kiri) dan Datuk Seri Idris Haron (empat dari kiri).



Nilai rumah PPR Tehel dijangka melonjak

PROGRAM Perumahan Rakyat (PPR) Tehel di Jasin, Melaka dijangka melonjakkan nilai aset kekayaan pemilik-pemiliknya dalam masa beberapa tahun akan datang.

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak berkata, setiap unit daripada 500 rumah di PPR Tehel ditawarkan kepada rakyat yang layak pada harga RM35,000 sahaja.

Menurut beliau, jumlah itu jauh lebih murah daripada kos pembinaan sebenar iaitu RM160,000 seunit.

"Nilai rumah-rumah ini dijangka melonjak sehingga mencecah RM400,000 seunit dalam masa beberapa tahun sahaja, insya-Allah.

"Unit-unit rumah PPR Tehel ini bukan sahaja mampu milik, malah ia juga dilengkapi dengan sistem teknologi hijau iCycle dan perangkap nyamuk solar," katanya dalam catatan melalui laman blog NajibRazak.com baru-baru ini.

Perdana Menteri mengulas tentang pelancaran PPR Tehel yang disempurnakan beliau di Jasin, Melaka pada 21 April lalu dan pada majlis berkenaan, Perdana Menteri turut menyerahkan kunci kepada 10 peserta PPR Tehel.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, Datuk Othman Muhamad dan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek.

Sementara itu, Noh memberitahu, PPR Tehel menyediakan perumahan yang berkualiti, selesa serta mampu disewa atau dibeli oleh golongan berpendapatan rendah.

Beliau berkata, setiap unit kediaman



Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menandatangani plak perasmian pada Majlis Penyerahan Kunci PPR Tehel baru-baru ini. Beliau diiringi Tan Sri Noh Omar (lima dari kiri), Datuk Seri Idris Haron (dua dari kiri), Datuk Halimah Mohamed Sadique (tiga dari kiri dan Datuk Mohammad Mentek (enam dari kiri).

PPR Tehel

- Lokasi: Jasin, Melaka
- Jenis: Rumah pangsa
- Jumlah: 500 unit
- Peruntukan kerajaan: RM80 juta

di PPR Tehel ditawarkan kepada rakyat sama ada secara sewaan pada kadar serendah RM124 sebulan atau dijual pada harga serendah RM35,000 seunit.

"Kadar sewaan dan harga jualan ini adalah jauh lebih rendah daripada harga pasaran perumahan semasa serta kadar ditawarkan oleh kerajaan Persekutuan mengambil kira kemampuan golongan rakyat yang layak menduduki PPR ini," katanya.

Menurut Noh, setakat 28 Februari lalu, KPKT telah melaksanakan lima projek PPR yang merangkumi 1,851 unit rumah di sekitar Melaka.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak tiga projek (1,436 unit) telah disiapkan, satu projek (255 unit) masih dalam pembinaan, manakala satu projek (160 unit) masih dalam pelbagai peringkat perancangan," jelasnya.



Sebahagian daripada orang ramai yang menghadiri Majlis Penyerahan Kunci PPR Tehel yang disempurnakan oleh Perdana Menteri.

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak beramah mesra dengan penduduk PPR Tehel ketika melawat kediaman mereka bersama Tan Sri Noh Omar (empat dari kanan), Datuk Seri Idris Haron (tiga dari kanan) dan Datuk Mohammad Mentek (kanan).



Penolong Kanan Penguasa Bomba, Pram Nath Haris Kisna (tengah) bergambar bersama anggota Unit K9 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Kuala Lumpur.

Unit K9, unit bomba yang cemerlang



EMPAT DISIPLIN UNIT K9

- **Fire Investigation**
Menghidu kewujudan bahan-bahan kebakaran seperti petrol dan kerosin.
- **Urban Disaster Search And Rescue (UDSAR)**
Anjing-anjing dilatih mengesan mangsa-mangsa hidup sahaja dalam runtuh bangunan, struktur.
- **Cadaver Search And Rescue** - Anjing dilatih mengesan mayat di darat dan dalam air.
- **Search And Rescue (SAR) Wilderness**
Mengesan jejak mangsa yang hilang di kawasan hutan, tanah tinggi, bukit.

UNIT Pengesan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mahu terus menjadi sebuah unit bomba terbaik yang menjadikan anjing terlatih sebagai komponen penting dalam menyelesaikan pelbagai kes kebakaran dan menyelamatkan nyawa orang dalam sebarang keadaan.

Penolong Kanan Penguasa Bomba, **H. Pram Nath** berkata, kewujudan Unit Pengesan itu yang juga dikenali Unit K9 sejak 26 April 2002 telah memberi kesan cukup besar kepada negara terutama dalam kes penyiasatan kebakaran dan penyelamatan mangsa.

"JBPM mengambil langkah yang positif dan ke hadapan dalam menubuhkan Unit K9 rentetan insiden berskala besar yang terjadi pada masa dahulu dan hasilnya banyak kejayaan telah dikecapi antaranya unit ini mampu mengesan semua kedudukan mangsa dan mengambil masa selama 30 minit sahaja. Ini satu pencapaian yang cukup membanggakan."

"Walaupun Unit K9 berdepan dengan seribu macam cabaran tetapi dengan bantuan anjing pengesan, ia dapat menyelesaikan penyiasatan dengan lebih pantas malah mempercepatkan kerja-kerja menyelamatkan di kawasan kemalangan," katanya.

Unit K9 yang berpusat di Kuala Lumpur itu mempunyai kekuatan seramai 46 orang anggota serta 17 ekor anjing terlatih.

Unit itu juga menjadi komponen penting untuk Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) yang mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai ahli Kumpulan Penasihat Mencari dan Menyelamat Antarabangsa (INSARAG) iaitu badan penyelamat yang bertaraf antarabangsa.

Tambah Pram Nath, Unit K9 bakal membuka cawangan di Sabah dan Sarawak pada tahun hadapan malah sebanyak 28 ekor anjing akan menyertai unit tersebut dalam masa terdekat.

"Begitu penting sebenarnya kepada jabatan dan masyarakat untuk mengembangkan Unit K9 ke Sabah dan Sarawak bagi meluaskan operasi menyelamatkan dan ini dibantu dengan penyertaan 28 ekor anjing baharu. Sebanyak 12 ekor daripada anjing tersebut akan ditempatkan di Kuala Lumpur manakala selebihnya beroperasi di Sabah dan Sarawak."

"Pada masa yang sama, kami juga akan cuba melatih anggota Unit K9 untuk menjadi seorang jurulatih khas satu hari nanti bagi melatih sendiri anjing-anjing itu tanpa perlu membeli anjing yang sudah terlatih," katanya.

Sempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017, beliau berharap Unit K9 akan sentiasa memberikan perkhidmatan cemerlang kepada rakyat dan berkembang di seluruh negara satu hari nanti.



H. PRAMNATH



Anjing Khas Unit K9 Bomba dibersihkan selepas menjalani tugasan.



Anjing Khas Unit K9 Bomba menjalani latihan situasi kebakaran.

» Seperti yang saya sering ungkapkan sejak menjadi Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, "bantuan kepada rakyat bandar, rakyat luar bandar juga dapat tetapi bantuan kepada rakyat luar bandar tidak semestinya rakyat bandar akan dapat..."

Anggota pasukan STORM dalam satu misi mencari dan menyelamatkan dalam satu kejadian struktur bangunan runtuh di Kuala Lumpur.



Peranan STORM berkembang, urus pelbagai operasi bencana



Anggota pasukan STORM sedang menjalani latihan menyelamatkan mangsa kemalangan.

JAMIL SAADUN



Peranan pasukan STORM diiktiraf apabila muncul juara Pertandingan Singapore Global Firefighter and Paramedic Challenge 2016 di Singapura.

SEJAK ditubuhkan pada 2011, peranan Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) semakin berkembang dengan penglibatan dalam pelbagai operasi mencari dan menyelamatkan di negara ini.

Kini, STORM bukan sahaja terlibat dalam misi mencari dan menyelamatkan untuk kejadian tanah runtuh dan bangunan runtuh bahkan dalam operasi kemalangan sama ada yang berlaku di darat atau laut.

Ketua Seksyen Pengurusan Operasi, Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, JBPM, Jamil Saadun berkata, pada peringkat permulaan penubuhannya, STORM hanya menumpukan untuk operasi penyelamatan dalam kejadian bencana tanah runtuh tetapi kini turut terlibat dalam pelbagai operasi kompleks seperti kemalangan, mencari orang hilang atau sesat dan sebagainya.

"Kita telah terlibat dalam banyak operasi bencana seperti kejadian tanah run-

tuh di Hulu Langat, Cameron Highlands, gempa bumi di Kota Kinabalu serta bangunan runtuh di Shah Alam.

"Kini STORM lebih bersedia untuk digerakkan dalam apa juga bentuk bencana atau kemalangan. Apa sahaja bencana atau kejadian yang menyebabkan ada mangsa atau situasi memberi kesan kepada nyawa dan harta benda, maka di situ ada keperluan pasukan STORM," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Jamil memberitahu, pada masa ini, STORM mempunyai kekuatan seramai 381 anggota dan pegawai di seluruh negara.

"Kita menasaskan setiap negeri akan mempunyai kekuatan 30 anggota STORM bagi memudahkan urusan pembahagian tugas dilakukan dengan lebih mantap.

"Pada masa ini, hanya enam negeri sahaja yang mempunyai kekuatan anggota seramai 30 orang bergantung kepada keluasan negeri tersebut," jelasnya.

Sementara itu, Jamil menambah, ke-



STORM

- Ditubuhkan pada **Mei 2011**.
- Mempunyai seramai **381** anggota dan pegawai di seluruh negara.
- Anggota Storm perlu melepasi beberapa ujian semasa pemilihan termasuk **lulus ujian fizikal** ditetapkan.

jayaan STORM menangani pelbagai bentuk operasi adalah disebabkan sokongan daripada pelbagai pihak termasuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta unit-unit JBPM yang lain.

Beliau berkata, STORM juga merupakan pelengkap kepada pasukan misi mencari dan menyelamatkan di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) iaitu sebuah agensi yang dibentuk kerajaan untuk menangani sebarang bentuk bencana di negara ini dan di luar negara.

"Kemahiran anggota STORM juga telah diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila pasukan ini telah muncul johan dalam pertandingan Singapore Global Firefighter and Paramedic Challenge 2016.

"Pasukan kita ini berjaya mengalahkan pasukan-pasukan lain dari seluruh dunia termasuk dari Amerika Syarikat, Eropah serta Singapura sendiri," jelasnya.



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

MENTERI JAWAB

1 Apakah tindakan dan langkah yang diambil terhadap rumah pangsa kos rendah atau sederhana yang mengalami masalah penyelenggaraan akibat daripada kutipan bayaran pengurusan yang kurang memuaskan oleh penduduk kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC)?

Tindakan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757):

✓ JMB dan MC boleh memfailkan saman atau tuntutan di mahkamah atau di hadapan Tribunal Pengurusan Strata.

✓ JMB atau MC boleh menahan harta alih pemunya atau pemilik petak dan melelong harta tersebut.

✓ Pesuruhjaya Bangunan (COB) boleh juga mengambil tindakan pendakwaan di bawah akta ini.

Tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015:

✓ JMB atau MC boleh mengambil tindakan seperti mempamerkan senarai nama-nama pemungkir pada papan notis di bangunan, malah menyahaktifkan apa-apa peranti akses seperti kad, tag dan sebagainya.

■ Sidang Dewan Rakyat
6 April 2017

2 Apakah mannaft yang diterima pegawai dan anggota bomba?

✓ Pampasan di bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan seperti mana termaktub dalam 1PP WP6.3.

✓ Skim Insurans Takaful Berkelompok khusus untuk pegawai bomba bermula pada tahun 2014 bagi menjaga kebajikan pegawai bomba serta waris dan keluarga mereka jika berlaku kematian, ketiadaan atau kecacatan kekal semasa bertugas.

■ Sidang Dewan Rakyat
7 Mac 2017

3 Statistik terkini mengenai program pengasingan sisa pepejal di punca?

✓ Sebanyak 1,719 tan sisa kitar semula berjaya dikumpul melalui kutipan dari rumah ke rumah oleh syarikat konsesi bermula dari pelaksanaan penguatkuasaan pengasingan sisa pepejal di punca pada 1 Jun 2016.

✓ Jumlah sisa pepejal yang dilupuskan ke tapak pelupusan juga menunjukkan penurunan sebanyak 10.2 peratus atau 358,489 tan setahun.

✓ Pelaksanaan program-program 3R dan pengasingan sisa pepejal berjaya meningkatkan jumlah sisa kitar semula dan mengurangkan sisa pepejal yang dibuang di tapak pelupusan sampah.

■ Sidang Dewan Rakyat
23 Mac 2017





Datuk Wira Wan Mohd Nor Ibrahim (tengah) bersama anggota-anggota di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Putrajaya.

Pastikan kualiti, penyampaian perkhidmatan bomba tahap terbaik

JABATAN Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melalui pelbagai transformasi dari segi kualiti serta cara penyampaian perkhidmatan agar sentiasa berada pada tahap terbaik seiring dengan kepesatan pembangunan negara dan pertambahan penduduk.

Perkara tersebut ditegaskan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim dalam wawancara khas bersempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 yang akan berlangsung pada 4 Mei ini.

Wan Mohd. Nor berkata, cabaran kepesatan pembangunan negara pada masa kini membuatkan pasukan bomba sentiasa bersiap siaga berkhidmat untuk rakyat dalam berhadapan dengan sebarang situasi.

"Dalam era teknologi kini, cabaran JBPM semakin besar kerana negara kita yang dahulunya negara pertanian telah beralih kepada negara industri. Malah, pada masa ini kita berhadapan dengan banyak bangunan tinggi pencakar langit di kawasan bandar.

"Justeru, penekanan untuk perkhidmatan pada zaman moden ini akan dibahagikan kepada dua aspek iaitu selain memadam kebakaran dan menyelamatkan, kita turut beri penekanan kepada aspek pencegahan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Wan Mohd. Nor memberitahu, pelbagai usaha telah dilakukan kerajaan untuk memantapkan peranan JBPM dalam usaha menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat di seluruh negara.

Bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan Bomba, beliau berkata, kira-kira 30 buah balai bomba baharu akan dibuka di seluruh negara.

"Pada masa ini, kita mempunyai 284 Balai Bomba dan dalam tempoh 10 tahun akan datang jumlah tersebut berkemungkinan tidak mencukupi dan kita perlu bina 100 buah Balai Bomba lagi di seluruh negara.

"Kita amat menyedari dalam pengurusan kejadian kecemasan ini, aspek masa sangat penting sehingga 'respon time' menjadi penentu kepada kualiti perkhidmatan maknanya lebih cepat kita ambil tindakan kepada kejadian kecemasan, maka lebih baik mutu perkhidmatan serta dapat menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kerugian," jelasnya.

Tambah beliau, di sebalik komitmen JBPM dalam menyalurkan bantuan, kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pencegahan kebakaran dan sebarang kejadian tidak diingini adalah lebih penting kerana secara tidak langsung boleh mencegah risiko kehilangan nyawa dan kerugian harta benda.

Beliau berkata, masyarakat perlu menghayati peranan dan bekerjasama dengan JBPM bagi mengurangkan kejadian bencana serta kecemasan di negara ini yang boleh menjejaskan nyawa dan kerugian harta benda.

"Hal ini kerana JBPM tidak boleh bertindak sendiri dan masyarakat harus bersama-sama JBPM dalam memastikan kita dapat hidup dalam keadaan selamat seterusnya mengurangkan kadar kebakaran dan bencana," katanya.



BICARA MENTERI

Kebajikan rakyat komitmen KPKT

PADA 21 Mei yang lepas, YAB PM telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Program Perumahan Rakyat (PPR) Tehel di Melaka. PPR yang mempunyai 500 unit ini turut menyediakan pelbagai fasiliti seperti surau, dewan serbaguna, tadika dan gelanggang futsal yang mana fasiliti-fasiliti ini adalah sebahagian daripada agenda transformasi Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, terutamanya penduduk PPR dan rakyat bandar.

Kita tidak mahu lagi sekadar menyediakan rumah untuk rakyat tetapi juga kawasan kediaman dengan fasiliti setanding dengan mereka yang tinggal di kawasan apartment.

Selain itu, dalam menangani isu pemilikan perumahan, baru-baru ini YAB PM juga telah meluluskan konsep Sewa dan Beli (Rent-to-Own, RTO) yang mana penyewa-penyewa yang layak akan dapat membeli rumah PPR yang mereka sewa ini pada harga jualan yang amat murah iaitu RM35,000 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak.

Ini bermakna, setiap pembeli PPR Tehel mendapat subsidi sebanyak RM125,000 daripada Kerajaan Persekutuan. Bukan semua negara dapat beri bantuan subsidi sebanyak ini kepada rakyat mereka dan rata-

ratanya subsidi yang kita beri kepada pembeli PPR di seluruh Malaysia adalah dalam lingkungan RM115,000 hingga RM158,000 bagi setiap unit.

Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dalam membantu rakyat dan oleh kerana ini saya agak terkilan apabila sesetengah pemimpin dari pihak pembangkang yang mengatakan bahawa pihak Kerajaan Persekutuan tidak berlaku adil dalam mengagihkan peruntukan untuk rakyat.

Seperti yang telah saya nyatakan dalam beberapa sidang media, peruntukan oleh KPKT diberi mengikut permohonan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pemimpin tempatan yang mana KPKT akan menilai impak sesebuah projek itu kepada masyarakat.

Tindakan penyelarasan pemberian geran peruntukan oleh KPKT baru-baru ini tidak harus dipandang negatif dan pemimpin tempatan harus mengetahui isu di kawasan masing-masing sebelum membuat tuduhan yang tidak rasional. Saya memberi komitmen bahawa kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Persekutuan dan KPKT dan saya berharap agar tiada pihak yang akan terus memanipulasi isu ini untuk kepentingan politik mahupun peribadi masing-masing.

Kesejahteraan rakyat adalah agenda tetap KPKT dan dalam melaksanakan tanggungjawab ini, Jabatan Bomba dan

» Kerajaan Persekutuan sentiasa komited dalam membantu rakyat dan oleh kerana ini saya agak terkilan apabila sesetengah pemimpin dari pihak pembangkang yang mengatakan bahawa pihak Kerajaan Persekutuan tidak berlaku adil dalam mengagihkan peruntukan untuk rakyat."

Penyelamat Malaysia yang merupakan antara agensi KPKT telah banyak memberi jasa dan sumbangan kepada masyarakat. Anggota bomba hari ini bukan sekadar menjalankan kerja-kerja pemadaman api, skop khidmat mereka merangkumi pelbagai tugas penyelamatan apabila berlaku sebarang insiden sebagai contoh apabila berlaku kemalangan ataupun tragedi bencana

alam.

JBPM juga ada pelbagai jentera penyelamatan yang terkini termasuk helikopter di samping pasukan STORM dan Unit K-9. Apabila nama bomba disebut, imej "Abang Sado" bomba agak popular dalam kalangan rakyat Malaysia tetapi mungkin ramai antara kita yang tidak tahu bahawa Hari Anggota Bomba Sedunia disambut pada 4 Mei setiap tahun di seluruh dunia.

Oleh itu, pada Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2017 pada 4 Mei 2017 ini, saya ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama menyambut dan meraikan segala jasa khidmat anggota bomba di seluruh Malaysia. "Bomba Tonggak Penyelamatan Negara" adalah merupakan tema sambutan dan dengan penuh rasa bangga sebagai Menteri KPKT dan juga rakyat biasa, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas jasa dan khidmat yang telah mereka curahkan. Semoga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terus cemerlang dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Teh tarik istimewa

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak membuat teh tarik selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Tehel, Melaka pada 21 April.



Bertuah

Pemenang Cabutan Bertuah Tempat Pertama membawa pulang sebuah motosikal semasa Majlis Ramah Mesra Tan Sri Noh Omar bersama Penduduk Taman Putra Perdana 19 April lalu.



Kejohanan boling tenpin

Kejohanan Boling Tenpin Badan Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP) 2017 yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohammad Mentek di IOI City Mall, Putrajaya pada 23 April.

**Istiadat
Pertabalan**
Yang di-Pertuan Agong,
Sultan Muhammad V
berkenan melafaz Warkah
Ikrar pada Istiadat
Pertabalan Yang di-Pertuan
Agong XV di Istana Negara
24 April lalu.



Melawat

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique mengiringi Exco-Exco Perumahan Negeri melawat Galeri KPKT sebelum Mesyuarat Exco Perumahan Negeri dengan KPKT yang dipengerusikan Tan Sri Noh Omar.

Majlis Pra Pelancaran World Urban Forum Ke-9

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar memegang replika WUF9 semasa Majlis Pra Pelancaran World Urban Forum Ke-9 (WUF) di Putrajaya pada 26 April lalu.



Ekspedisi Annapurna

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Wira Wan Mohd. Nor Ibrahim (barisan ketiga, enam dari kanan) meluangkan masa beramah mesra dan bergambar kenangan dengan sebahagian daripada 62 pengamal media serta anggota dan pegawai Jabatan Bomba yang bakal memahat nama dalam Malaysia Book of Records bagi kategori ekspedisi terbesar ke Kem Pangkalan Annapurna, Nepal bermula 24 April hingga 5 Mei ini.




Kempen kebersihan

SWCorp Perlis mengadakan kempen kesedaran kebersihan bersama peniaga dan pengunjung di pasar sehari Simpang Empat, Perlis.



Taklimat

Taklimat Khas Transformasi Nasional (TN50) oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Datuk Lokman Hakim Ali kepada anggota pengurusan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 19 April lalu.



Lokasi PPR Kampung Muhibbah yang berdekatan dengan Stesen LRT Muhibbah memudahkan penduduk untuk memanfaatkan sepenuhnya pengangkutan awam tersebut.

PPR KAMPUNG MUHIBBAH

- Berdekatan Stesen LRT Muhibbah
- 2 fasa, 9 blok bangunan, **2,817** unit kediaman
- Keluasan minimum **700 kaki persegi**
- **11,000** penghuni
- Mula didiami November 2005
- Mula dibina 2002, siap 2005

KEMUDAHAN

Surau Nur Asy-Syakirin, Pusat Penjaja Muhibbah, Kompleks Komuniti Muhibbah, Klinik 1Malaysia, Klinik Ibu dan Anak, Pusat Internet 1Malaysia

PPR Kampung Muhibbah utamakan kebersihan, keselamatan

Menyuburkan budaya masyarakat muhibbah

BERTEPATAN dengan namanya, Program Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Muhibbah di Puchong, Selangor menyediakan persekitaran yang penuh dengan suasana muhibbah dan selamat untuk semua penghuninya.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Kampung Muhibbah, Rosli Misamti, 49, berkata, aspek kebersihan dan keselamatan sentiasa dititikberatkan bagi memastikan penduduk menikmati kehidupan yang sejahtera dan damai.

Menurut beliau, warga PPR Kampung Muhibbah dididik supaya menekan-

kan soal kebersihan persekitaran dan bersepakat dalam menjaga keselamatan penduduk.

"Malah, Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang ditubuhkan bagi membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala di komuniti setempat berjaya mendapat penyertaan ramai penghuni yang mewakili setiap blok masing-masing.

"Selain itu, mereka juga giat memperkukuhkan budaya perpaduan dalam kalangan kaum selaras dengan kehidupan bersosial yang diamalkan di kawasan

ini," katanya sambil menambah perumahan berkenaan dihuni pelbagai lapisan masyarakat terutama Melayu, Cina dan India.

Rosli yang juga Pengerusi Komuniti 1Malaysia PPR Kampung Muhibbah berkata, pihaknya komited melaksanakan pelbagai program antaranya gotong-royong, sukaneka, kenduri, rumah terbuka dan pameran bagi mengeratkan hubungan sesama penduduk.

"Setiap kali kami mengadakan program-program berkenaan, ia mendapat penyertaan masyarakat pelbagai kaum

dan lapisan umur kerana mereka tahu itulah wadah untuk bersemuka dan bertegur sapa.

"Selain itu, kerana sikap dan keprihatinan penduduk yang menghayati konsep berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, mereka mengambil bahagian untuk mencurahkan bakti dalam program kemasyarakatan itu," katanya.

Jelasnya lagi, soal kebajikan penduduk turut menjadi keutamaan pihaknya dengan dibantu Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

"Dana yang kami terima daripada badan-badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta berjaya kami sampaikan kepada komuniti serta individu yang ditimpa kesusahan dan mereka yang kurang berkeupayaan.

"Alhamdulillah, semoga segala elemen dan semangat toleransi serta kerjasama yang diterapkan di sini berjaya menghasilkan muafakat dan muhibbah sesuai dengan namanya iaitu PPR Kampung Muhibbah," ujarinya.



Masyarakat berbilang kaum dan agama hidup dalam suasana harmoni di PPR Kampung Muhibbah.

Selamat Menyambut

HARI PEKERJA

1 MEI 2017

"Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi"

TAN SRI NOH HAJI OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
Pengerusi Barisan Nasional Selangor.
Ahli Parlimen Tanjung Karang.
Pengerusi MPTNG.



APA KATA PENDUDUK?

"SAYA harap KPKT dapat membina lebih banyak lagi PPR di kawasan bandar dan pinggir bandar kerana masih ramai lagi rakyat yang memerlukan kediaman kos rendah."



HO KAY YUEN
Penduduk

"ALHAMDULILLAH, saya bersyukur kerana bukan sahaja ditawarkan untuk mendiami perumahan ini malah berpeluang untuk mencari rezeki dengan berniaga di Pusat Penaja Muhibbah."



ZAIDI AHMAD
Penduduk

"BIARPUN dalam suasana yang agak kompleks, kami semua dapat menikmati kehidupan yang aman dan sentosa di sini. Inilah berkat perpaduan dan permuafakatan masyarakat pelbagai kaum."



S. LETCHUMI
Penduduk

"PPR Kampung Muhibbah sangat sesuai didiami seisi keluarga kerana kawasan ini dilengkapi pelbagai kemudahan antaranya taman, kedai makan, pusat pendidikan dan pengangkutan awam yang banyak membantu mengurangkan perbelanjaan selain menjimatkan masa."



ROKIAH HAMI
Penduduk

Kompleks Komuniti Muhibbah menyediakan ruang untuk penduduk menjalankan aktiviti kemasyarakatan.



MPFN Ke-26: Perancangan dan Pembangunan Negara Perlu Penuhi Keperluan Pelbagai Lapisan Masyarakat

SEBANYAK 12 kertas kerja telah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) siri 26 yang diadakan di Bangunan Putra Perdana, Putrajaya baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak itu turut dihadiri Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

MPFN yang ditubuhkan pada tahun 2003 merupakan forum perundingan yang tertinggi berkaitan perancangan bandar dan desa, di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Majlis ini berperanan dalam menasihati Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mengenai perkara yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa.

MPFN diwujudkan adalah untuk menyelaraskan semua dasar dan aktiviti berkaitan perancangan bandar dan desa bagi memastikan penggunaan

12 KERTAS KERJA MPFN KE-26:

- Satu kertas untuk mendapat kelulusan;
- Lima kertas untuk mendapat nasihat;
- Empat kertas untuk persetujuan; dan
- Dua kertas untuk makluman.

sumber dan pembangunan yang lebih seimbang dan mampan pada peringkat negeri dan negara.

Dalam perutusan Perdana Menteri semasa mesyuarat itu, beliau mengingatkan semua bahawa "Berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020: Prospek Ekonomi, Teras Strategik dan Penyediaan Projek, semua Kementerian dan kerajaan negeri perlu membuat

perancangan secara komprehensif dan mengambil kira pandangan stakeholders.

Bagi projek fizikal, perancangan Kementerian hendaklah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara yang merumuskan dasar dan strategi pembangunan fizikal Negara serta menterjemah objektif pembangunan Negara dalam bentuk spatial agar penggunaan tanah dan sumber asli dioptimumkan untuk mencapai pembangunan mampan.

Projek fizikal juga perlu selaras dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan yang merumuskan cadangan berkenaan pemajuan dan penggunaan tanah pada kedua-dua peringkat negeri dan tempatan."

Perdana Menteri berharap keputusan mesyuarat pada kali ini akan memberi impak secara terus dalam merancang dan membangunkan negara ini di samping memastikan keperluan dan kehendak pelbagai lapisan masyarakat dipenuhi.



Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya baru-baru ini yang turut disertai Tan Sri Noh Omar.

PM lancar Pra-Pelancaran World Urban Forum (WUF) Ke-9

PERDANA Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak baru-baru ini melancarkan Pra-Pelancaran World Urban Forum (WUF9) Ke-9 di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Forum berkaitan perbandaran tersebut akan berlangsung dari 7 hingga 13 Februari 2018 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Kuala Lumpur merupakan bandar kedua di benua Asia yang akan menjadi tuan rumah kepada forum tersebut selepas Nanjing, China pada tahun 2008.

Forum yang bertemakan 'Implementing the New Urban Agenda' ini bakal mengumpul pelbagai pakar daripada setiap sektor perbandaran di seluruh dunia.

Penganjuran WUF ini dijangka akan menarik jumlah penyertaan seramai 25,000 peserta malah, forum ini juga akan disertai pelbagai pihak dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO), organisasi berasaskan komuniti, profesional, institusi penyelidikan dan akademik, profesional, sektor swasta, institusi pembangunan kewangan, media dan badan-badan antarabangsa lain sama ada di peringkat antarabangsa, nasional dan serantau.

Tujuan utama penganjuran WUF adalah untuk menyokong dan meningkatkan kesedaran mengenai pembangunan perbandaran yang mampan serta perkongsian pengetahuan kolektif ke atas perbandaran yang mampan melalui debat terbuka, pertukaran pengalaman dan amalan terbaik.



Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bersama Tan Sri Noh Omar dalam Majlis Pra Pelancaran World Urban Forum (WUF9) Ke-9 di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya baru-baru ini.

Selain itu, forum itu juga bertujuan untuk menjalin kerjasama di dalam dan di antara kawasan-kawasan yang berbeza ke arah kemajuan dan pelaksanaan Agenda Habitat.

Kesediaan Malaysia untuk menjadi tuan rumah kepada WUF9 ini akan mencerminkan komitmen negara kepada dunia di dalam aspek pembangunan bandar yang mampan dan sejahtera.

Perkara ini juga selari dengan as-

pirasi negara dalam melaksanakan Sustainable Development Goals (SDG), Conference of the Parties 21 (COP21) - Paris Agreement dan yang terbaharu adalah penerimaan New Urban Agenda (NUA) yang telah dipersetujui semasa Persidangan ke-3 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perumahan dan Pembangunan Bandar Mampan (HABITAT III) di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Penduduk Subang Impian digesa berhubung dengan pemaju

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengambil tindakan ke atas aduan penduduk Subang Impian yang bertarikh 16 Mac lalu.

Hasil daripada pemeriksaan dan perjumpaan bersama pemaju adalah seperti yang berikut:

Pemaju telah maklumkan kerja-kerja menyiapkan baki kerja pembinaan seperti:

- Apron
- Longkang
- Tanam rumput

Kerja-kerja pembinaan tersebut dijangka siap pada 17 April 2017. Para penduduk diminta berhubung terus dengan pihak pemaju.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Jabatan Bangunan MBSA 03-55222854.

Keratan akhbar Berita Harian bertarikh 10 Mac 2017.



Tampak rumah yang dirobohkan di Taman Subang Impian, Seksyen U10, Shah Alam.

RINTIHAN PENGHUNI TAMAN SUBANG IMPIAN

'Kediaman kami macam rumah tak siap'

● Premis rosak selepas pemaju roboh 18 unit rumah terbiar tiada CF

Oleh Nurwaida Md Zain
bnnews@bhi.com.my
Shah Alam

Mangsa bencana itu ialah nasib yang menimpa tiga pemilik rumah di Taman Subang Impian, Seksyen U10, di sini, selepas 18 unit rumah yang tidak memiliki Sijil Kelayakan Menduduki (CF) di kawasan perumahan itu dirobohkan pemaju.

Selama 12 tahun terbiar selepas ia disiapkan, pemaju merobohkan unit berkenaan pada Mei lalu selepas dikatakan mendapat arahan dari Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Kediaman itu menyebabkan rumah bersebelahan unit yang di-

robuhkan itu mengalami kerosakan dan kelihatan seperti rumah yang tidak siap pula, setali gas menjadi mimpi ngeri bukan saja kepada pemilik kediaman berkenaan, tetapi juga penduduk di kawasan kediaman itu.

Persekitaran terbiar la keran, akibat kerja merobohkan itu, dinding yang pada asalnya menjadi pemisah antara dua buah rumah, kini adalah tembok yang terdedah kepada cuaca.

Tinjauan BH mendapati, tiga blok terakhir di kawasan perumahan itu yang terletak berdekatan bukit terjejas akibat kerja merobohkan itu. Di blok paling dekat dengan kawasan bukit, hanya tinggal dua unit rumah,

Fakta nombor

18 UNIT
RUMAH

dirobohkan tiada sijil kelayakan menduduki

APLIKASI I-KEPOH

Aplikasi mudah alih iKepoh merupakan satu inovasi yang dibangunkan oleh KPKT yang memberikan kemudahan kepada orang awam untuk menyalurkan aduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui telefon pintar.



KATEGORI ADUAN

- Kerosakan jalan
- Tumbuhan/rumput
- Lampu/Lampu Isyarat
- Papan Tanda/Iklan
- Serangga/haiwan
- Sampah
- Parkir/binaan
- Pembakaran terbuka
- Tandus
- Longkang Parit

CIRI-CIRI

- » Mudah
- » Menarik
- » Cepat
- » Tepat
- » Ringkas
- » Berkesan
- » Mesra Pengguna

SILA HUBUNGI

Jabatan Kerajaan Tempatan
Aras 28, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
No. Tel: 03-88913104 No. Faks: 03-88913093

FUNGSI

01

Membenarkan penghantaran aduan bergambar berserta lokasi secara mudah alih.

02

Memberi maklum balas kepada pengadu dengan lebih responsif.

03

Memantau statistik aduan oleh PBT atau JKT melalui dashboard yang disediakan dengan lebih efisien.

KELEBIHAN

» Dibangunkan secara *in-house* oleh Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT dengan kerjasama Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia (JPBD), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) dan PBT.

» Hybrid Application – merentasi semua platform mudah alih (Android IOS, Windows).

» Diintegrasikan dengan i-Plan yang dibangunkan JPBD.

» Konsep Dynamic Application – Interaktif capaian data ke / dari server.



#NegaraTaman #MyUjana

My UJANA

Aplikasi My Ujana



Tujuan Pembangunan My Ujana

My Ujana merupakan aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN).

Aplikasi ini diwujudkan bagi mencapai matlamat JLN dalam mempromosikan gaya hidup sihat dengan penyediaan taman awam, kawasan hijau dan pembangunan landskap melalui hujung jari anda.

- Menggalakkan rekreasi dan interaksi orang awam dengan memperkenalkan pembangunan landskap dan taman melalui teknologi maklumat.
- Memupuk kesedaran orang awam terhadap keperluan pembangunan landskap bagi mewujudkan Malaysia Negara Taman Terindah.
- Mempromosikan pembangunan landskap dan taman di Malaysia melalui aktiviti rekreasi keluarga dan pelancongan.



Available on the iPhone
App Store

ANDROID APP ON
Google play

Menu My Ujana

Tempat-tempat menarik

Peta

Maklumat Taman

Pengumuman

Notifikasi

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, 11 & 15, Plaza Permata-IGB Jalan Kampar, Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. No. Tel: 03-40470000 No. Faks: 03-40452415

Apakah Orang-E?

Portal orang-E merupakan inisiatif KPKT untuk mewujudkan suasana kehidupan yang selesa dan sejahtera melalui pembangunan sosioekonomi yang seimbang. Portal ini menyediakan ruang dan peluang kepada komuniti bandar untuk memperoleh pendapatan sampingan melalui konsep permintaan dan penawaran perkhidmatan dalam talian melalui portal dan aplikasi mudah alih.

Perkhidmatan

Sebuah Platform untuk mendaftar perkhidmatan dan produk yang dibekalkan

- 12 Kategori Perkhidmatan
- 76 Sub Kategori Perkhidmatan



Cara Mengakses

- Layari laman sesawang <https://www.orang-e.com.my>
- Muat turun aplikasi mobil



Kelebihan

- Percuma
- Membantu meningkatkan pendapatan golongan miskin Bandar.
- Mengurus dan menyimpan data anda dengan baik
- Mesra pengguna

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

Bahagian Kesejahteraan Bandar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Aras 15, 20 & 27, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya. No. Tel: 03-8891 5051. No. Faks: 03-8891 5547



Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN)

SPRN MENYEDIAKAN AKSES PERMOHONAN KEPADA PROGRAM DAN SKIM ANTARANYA :

SPRN

DILANCARKAN OLEH
YB TAN SRI
NOH HAJI OMAR



SPRN ini dibuka secara rasmi pada 2 Mei 2017

Kemudahan kepada rakyat untuk membuat permohonan perumahan secara dalam talian

Pemilihan pemohonan yang lebih telus dan sebagai platform hebahan maklumat projek perumahan KPKT



Perbarisan kontinjen-kontinjen yang menyertai SUKNA ke-18 semasa majlis pelancarannya pada 21 April lalu.



Zon ibu pejabat PLANMalaysia unggul SUKNA-18

ZON Ibu Pejabat PLANMalaysia dinobatkan juara keseluruhan Sukan Nasional Perancangan Bandar dan Desa (SUKNA) ke-18 setelah menguasai pingat emas bagi beberapa acara sukan utama seperti bola tampar kategori lelaki dan wanita, bola jaring dan balapan.

Kejohanan yang memilih labu sayong sebagai logo SUKNA ke-18 itu berlangsung dari 21 hingga 24 April di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)

» *Kejohanan ini bermatlamat untuk mengeratkan hubungan silaturrahim...*

di Tanjong Malim, Perak dikelolakan sepenuhnya oleh PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

Negeri Perak).

Lebih 500 atlet mewakili tujuh zon iaitu Zon Ibu Pejabat, Zon Tengah, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sabah serta Zon Sarawak menyertai kejohanan berkenaan.

Kejohanan SUKNA ke-18 telah dirasmikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II merangkap Ahli Parlimen Tanjong Malim, Datuk Seri Ong Ka Chuan

Sebanyak lapan acara dipertandingkan dalam kejohanan tahun ini iaitu bola sepak, badminton, bola tampar, dart campuran, karom, bola jaring, tarik tali dan acara baharu iaitu balapan.

Kejohanan ini bermatlamat untuk mengeratkan hubungan silaturrahim selain mengasah dan mencungkil bakat baru serta memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan kakitangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa seluruh negara.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Slim, Datuk Mohd. Khusairi Abdul Talib (dua dari kiri) menyampaikan hadiah kepada wakil Zon Ibu Pejabat PLANMalaysia yang muncul juara keseluruhan SUKNA ke-18.



Sasaran gelaran Piala Malaysia kali ke-34 tidak mustahil - Abdul Rauf Ahmad

GANDINGAN unik bekas pemain dan pemain muda di dalam pasukan Liga Super Selangor merupakan ramuan terbaik untuk pasukan yang digelar Gergasi Merah tersebut untuk mencetak edisi ke-34 sebagai juara Piala Malaysia.

Menurut Pengurusnya, Abdul Rauf Ahmad, pasukan Selangor pada saat ini begitu dahagakan kemenangan dalam setiap perlawanan bagi menyuntik keyakinan kepada pemain untuk kekal menjadi pencabar yang digeruni lawan.

"Sebagaimana pasukan lain, kami bersaing untuk memburu kemenangan sekurang-kurangnya membawa pulang satu kejuaraan.

"Sebagai juara terbanyak Piala Malaysia azam kami cukup tinggi bagi menghasilkan koleksi kemenangan untuk kali ke-34 dan sasaran tersebut adalah realistik, "katanya di sini hari ini.

Abdul Rauf berkata, pasukan Selangor dibarisi barisan kejurulatihan



ABDUL RAUF

yang merupakan bekas pemain yang begitu arif dan masak dengan aspek kejurulatihan yang perlu diberi pendekatan khusus.

Katanya, pemain perlu terbuka apabila menerima arahan dari jurulatih, P. Maniam yang merupakan bekas pemain Selangor yang sekian lama menjadi pembantu jurulatih kepada jurulatih berpengalaman.

"Selain dari P. Maniam beliau dibantu oleh K.Gunalan, Norzaidi Rahmat dan Azlisham Ibrahim yang melatih penjaga gol. Saya dan kesemua jurulatih adalah bekas pemain yang komited untuk membuktikan kami sebagai anak tempatan mampu melakukan sesuatu.

"Pada masa ini pasukan Selangor dalam kedudukan empat teratas. Dengan kemasukan Andik Vermansyah yang sudah mula berlatih dengan pasukan Selangor kita berharap sasaran satu piala bukanlah sesuatu yang mustahil," katanya.



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

Pasukan	P	M	S	K	G	B	PG	MATA
JDT	11	8	2	1	27	10	17	26
Pahang	11	6	3	2	27	14	13	21
Kedah	11	5	5	1	20	14	6	20
Perak	11	4	5	2	18	19	-1	17
Kelantan	11	5	1	5	21	17	4	16
SELANGOR	11	4	4	3	16	13	3	16
T-Team	11	4	4	3	16	18	-2	16
Felda	11	2	5	4	11	14	-3	11
PKNS	11	2	4	5	18	21	-3	10
Melaka	11	2	4	5	12	24	-12	10
Sarawak	11	2	3	6	11	17	-6	9
P. Pinang	11	1	2	8	7	23	-16	5

Setakat 28 April 2017



JULIANO MINEIRO FERNANDES

RM1.3j tambah baik rumah pangsa Putra Perdana

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.3 juta untuk penambahbaikan rumah pangsa kos rendah dan sederhana di Putra Perdana, Dengkil, Selangor.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, peruntukan tersebut akan disalurkan bagi membaiki pulih kemudahan melibatkan sembilan rumah pangsa di kawasan tersebut yang dijadualkan bermula Mei ini.

Beliau juga berharap projek tersebut dapat dijalankan segera untuk kemudahan penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

"Bantuan ini juga bagi menyahut saranan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat di kawasan bandar terutamanya penduduk di kawasan rumah kos rendah dan sederhana," katanya dalam Majlis Ramah

Mesra Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bersama Penduduk Taman Putra Perdana baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Shahrum Sharif dan Ketua UMNO Bahagian Sepang, Datuk Marsum Paing.

Dalam majlis tersebut, Noh turut meluangkan masa berdialog selama sejam bersama hampir 1,000 penduduk yang hadir dalam program itu.

Sementara itu, beliau memberitahu, Majlis Pecah Tanah Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Dengkil dijangka berlangsung bulan depan.

"Pada masa ini, projek tersebut dalam proses tender terbuka dan dijangka akan dimulakan pada Mei ini," jelasnya.

Tan Sri Noh Omar dalam sesi dialog bersama penduduk Taman Putra Perdana di Dengkil, Selangor.

Sebahagian penduduk Taman Putra Perdana yang menghadiri Majlis Ramah Mesra Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bersama Penduduk Taman Putra Perdana baru-baru ini.

KUSEL bantu penduduk PPR jana pendapatan

PROGRAM Azam Bandar Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diusahakan Kelab Usahawan Selangor (KUSEL) berjaya membantu 100 usahawan yang terdiri daripada penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 untuk menjana pendapatan tambahan.

Presiden KUSEL, Datuk Mohamad Zaini Md. Taha berkata, fasa pertama program tersebut yang bermula Oktober tahun lalu itu berjaya membantu usahawan bumiputera tersebut apabila terdapat dalam kalangan mereka meraih pendapatan melebihi RM5,000.

Beliau memberitahu, sebagai permulaan, program tersebut hanya dibuka untuk penduduk-penduduk di PPR Lembah Subang 1.

"Menerusi program ini, KUSEL akan membantu usahawan bumiputera dalam bidang latihan dan kemahiran. Sebagai contoh dalam bidang jahitan, KUSEL akan membawa mereka pergi latihan ke kilang, kemudian kita akan memberikan peralatan seperti mesin jahit dan benang kepada mereka.

"Malah, menerusi inisiatif yang dilakukan KUSEL, kita berjaya membantu usahawan tersebut mendapat tender untuk menjahit baju di Pasar Raya Besar Mydin dan Jakel di Shah Alam," katanya.

Mohamad Zaini memberitahu, pihaknya menyasarkan untuk melahirkan 800 usahawan bumiputera terutama penduduk-penduduk PPR di seluruh negara menerusi program Azam Bandar pada masa akan datang.

Beliau menambah, setakat ini, sebanyak 1,300 syarikat bumiputera di Selangor telah berdaftar sebagai ahli KUSEL.

Berhubung latar belakang KUSEL, beliau menjelaskan, penubuhan kelab tersebut telah dicetuskan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar pada 2012.

"Tan Sri Noh mahu KUSEL mengumpulkan usahawan-usahawan bumiputera untuk membentuk rangkaian antara usahawan bumiputera yang telah berjaya dengan usahawan baru," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berharap lebih ramai anak muda terlibat dalam program Azam Bandar bagi menjana pendapatan tambahan bagi isi rumah masing-masing.



Mohamad Zaini (berbaju hitam) bersama peserta-peserta program anjuran Kelab Usahawan Selangor (KUSEL).



KUSEL

- **Objektif:** Membina rangkaian perniagaan dan membimbing usahawan baharu.
- Mewujudkan hubungan antara usahawan dengan agensi kerajaan.
- **Klinik Usahawan Selangor:** Setiap Rabu, pukul 2 hingga 5 petang di Bangunan UMNO Selangor, Shah Alam.



Menyuburkan budaya masyarakat muhibbah
muka 10



Zon ibu pejabat PLAN Malaysia unggul SUKNA-18
muka 14



KUSEL bantu penduduk PPR jana pendapatan
muka 15

APA KATA PENDUDUK?

"SAYA harap KPKT dapat membina lebih banyak lagi PPR di kawasan bandar dan pinggir bandar kerana..."

HO KAY YUEN, Penduduk PPR Muhibbah muka 10



Buletin

Bandar



NEGARAKU

24 - 30 APRIL 2017 • 27 REJAB - 3 SYAABAN 1438

Nasib penduduk Putra Perdana terbela

- Peruntukan RM1.3 juta baik pulih pangsapuri sekitar Putra Perdana.
- Melibatkan sembilan rumah pangsa dan satu kawasan perumahan di kawasan tersebut.
- Dijangka bermula Mei ini.

muka 15

